

SPYWARE

Kebanyakan pengguna komputer pada hari ini telah biasa dengan istilah 'spyware' kerana mereka telah mengalami kesannya daripada perisian ini. Penurunan kelajuan pelaksanaan komputer, perubahan laman rumah dan kemunculan pop-up yang datang secara tiba-tiba atau kerap merupakan sebahagian daripada petanda bahawa komputer anda telah dijangkiti dengan spyware.

Spyware sering ditanggapi ramai sebagai virus, tetapi pernyataan ini sebenarnya adalah tidak tepat. Perisian ini tidak dapat menggandakan dirinya seperti virus, maka oleh kerana itu ia tidak dapat dikesan oleh program anti-virus. Perlindungan terbaik bagi komputer anda ialah dengan menggunakan pendekatan tiga-lapisan: gabungan perisian anti-spyware, perisian anti-virus dan firewall.

Spyware ialah satu program yang dipasangkan ke dalam komputer anda, samada dengan kebenaran anda mahupun tanpa kebenaran anda dimana ia mampu melakukan proses tertentu secara terlindung seperti mengubah konfigurasi sistem, memantau aktiviti Internet anda dan menghantar maklumat peribadi anda kepada pihak luar terutamanya pengiklan. Kesan spyware yang paling teruk ialah pertambahan bilangan spam dan pop-up yang tidak diingini atau lebih dikenali dengan nama 'adware'. Malware pula merujuk kepada program yang mempunyai tujuan tidak baik dan mampu mengurangkan atau menghalang kecekapan komputer anda. Pada masa kini, ia turut mampu mencuri maklumat peribadi seperti katalaluan bank dan nombor kredit kad.

Bagaimana Spyware Bertindak

Spyware boleh memasuki komputer anda walaupun anda begitu berhati-hati apabila melayari Internet. Pada masa kini, spyware dengan mudah boleh memasuki sistem komputer walaupun anda hanya melayari tapak web tertentu sahaja. Kebanyakan aplikasi didatangkan bersama dengan satu komponen yang tersembunyi ditawarkan sebagai satu perisian percuma (freeware) atau perkongsian (shareware) yang boleh dimuat-turun dari laman web media. Laman web sebegini mungkin tidak dikenali sebagai pembawa spyware. Ia lazimnya dilindungi di bawah Penyataan Persendirian atau Persetujuan Perlesenan Perisian. Apabila sesuatu aplikasi itu dipasang, spyware akan memantau aktiviti pengguna di Internet dan menghantar maklumat tersebut kepada pihak lain. Pada masa kini, spyware yang semakin canggih telah tersebar luas ke dalam sistem komputer dalam pelbagai bentuk aplikasi sehingga menyebabkan langkah menghapuskan perisian berkenaan secara sepenuhnya menjadi semakin rumit.

Disediakan oleh:

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok
Negeri Kelantan**

